

19/04/2003

`Dividen KWSP terbaik dalam keadaan sekarang'

Kadir Dikoh; Veena Rusli; Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kadar dividen 4.25 peratus yang diumumkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), semalam, sebagai yang terbaik dalam keadaan ekonomi tidak menentu ketika ini.

Pemangku Perdana Menteri berkata, Lembaga Pengarah KWSP ada menemuinya bagi membincangkan perkara itu (dividen 4.25 peratus).

"Saya memahami (kadar itu adalah antara yang paling rendah pernah diberi) tetapi Alhamdulillah, (sekurang-kurangnya) dividen masih boleh dikeluarkan kepada pencarum.

"Malah, kalau kita ambil kira simpanan tetap, kadarnya (faedah) adalah lebih rendah daripada itu. Kadar ini (4.25 peratus) dicadangkan oleh Ahli Lembaga Pengarah KWSP dan saya yakin dengan kewibawaan mereka.

"Itulah kadar yang sebaik-baiknya dalam keadaan sekarang dan kerajaan dapat menerimanya," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Mengenai kemampuan agensi lain yang menawarkan dividen lebih tinggi, Abdullah yang juga Pemangku Menteri Kewangan berkata keadaan itu bergantung kepada jenis dan bilangan pelaburan yang dilakukan.

Menyentuh isu Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), Abdullah tindakan kerajaan menarik balik sekatan kemasukan pelawat dari Kanada, Hong Kong dan Taiwan bukan akibat tekanan mana-mana pihak.

Sebaliknya, beliau berkata, ia diambil selepas kerajaan berpuas hati dengan proses penyaringan kesihatan yang diambil negara berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, pelawat dari ketiga-tiga negara itu tetap disyaratkan menjalani proses penyaringan kesihatan di pintu masuk negara bagi memastikan mereka bebas daripada penyakit itu.

Sehubungan itu, beliau menolak anggapan sesetengah pihak kononnya kerajaan mengamalkan penguatkuasaan yang longgar dalam menangani wabak SARS.

"Tidak semestinya kelonggaran tidak ada syarat. Kelonggaran pun ada syarat. Mereka mesti disaring.

"Kita tidak menghadapi tekanan daripada mana-mana pihak. Kita buat kelonggaran itu selepas kita melaksanakan sekatan visa selama seminggu," katanya.

Abdullah berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut menghadiri mesyuarat itu, memberi pandangannya mengenai SARS manakala beliau memberikan penjelasan kepada MT mengenai langkah yang diambil kerajaan bagi menangani SARS.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan tidak akan mengumumkan butiran pakej rangsangan ekonomi tambahan bulan ini seperti yang dijadualkan, berikutan perkembangan dunia yang tidak menentu.

Sementara itu, Abdullah berkata Umno akan memberi penghargaan kepada Pasukan Bersama Media Malaysia (JMTM) dan Mercy Malaysia yang kini bertugas di Amman, Jordan dan Baghdad.

"Kita tahu mereka menghadapi kemalangan dan kesusahan tetapi kerelaan mereka berada di sana untuk bekerja dan menyampaikan laporan amat dihargai," katanya.

Dalam sidang media itu, Abdullah turut mengingatkan rakyat Malaysia supaya meningkatkan keupayaan pertahanan negara dalam menghadapi pelbagai kemungkinan, termasuk ancaman diserang.

"Dalam keadaan sekarang (selepas Iraq diceroboh), macam-macam boleh berlaku termasuk kemungkinan Syria diserang dan mungkin negara lain juga.

"Kalau kita tak bersiap sedia, ia mungkin mengancam kita juga. Apa yang penting ialah untuk kita mewujudkan pertahanan di negara kita dalam erti kata Umno kena kuat dan kepemimpinan negara pada Barisan Nasional (BN) adalah penting.

"Kita perlu mengambil tindakan wajar supaya kesan negatif akibat peperangan di Iraq tidak menyebabkan ekonomi negara menjadi teruk," katanya.